

Pengedar jual dadah guna sistem *downline*, komisen untuk cari pelanggan

Sindiket dadah ala MLM tumpas

Kosmo 10/04/2010 M/S 11

Oleh NAN HIDAYAT
NAN AZMIE

nanhidayat.nanazmie
@kosmo.com.my

JOHOR BAHRU - Sebelum ini kita cuma mengenali aktiviti jualan langsung atau pemasaran pelbagai peringkat (MLM) yang melibatkan pelbagai barangan dan keperluan harian.

Namun, polis Johor semalam membongkar kewujudan sindiket pengedaran dadah di negeri ini yang turut mengamalkan kaedah MLM bagi meningkatkan jualan di kalangan penagih.

Lebih menarik, bekalan dadah itu dibungkus menyerupai pakej bungkusan kerepek ubi.

Sindiket terbabit difahamkan pada mulanya mencari

individu yang akan bertindak sebagai *downline*.

Downline itu kemudian akan mengedar dadah tersebut kepada pelanggan yang telah dikenal pasti terutama di pusat-pusat hiburan.

Difahamkan, kalangan *downline* sindiket itu pula akan mendapat komisen daripada sindiket terbabit jika berjaya menambah rangkaian *downline* masing-masing.

Ketua Polis Johor, Datuk Mokhtar Mohd. Shariff berkata, modus sindiket tersebut terbongkar apabila lima orang pengedar dadah peringkat *downline* termasuk dua wanita dicekup di tiga lokasi berasingan di sini pada Selasa dan Rabu lalu.


Menurut beliau, kelima-li-

ma suspek yang berusia antara 24 dan 38 tahun itu ditangkap di tiga buah rumah iaitu di Kampung Seri Jaya Tampoi, Taman Johor Jaya dan Bandar Baru Uda di sini.

"Bersama mereka polis merampas pelbagai jenis dadah seperti ganja, ketamin, heroin dan syabu yang kesemuanya seberat tiga kilogram dan dianggarkan bernilai RM250,000," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, turut dirampas wang tunai berjumlah RM20,000, tiga buah kereta dan sebuah motosikal.

Kesemua suspek tersebut, katanya, kini ditahan reman bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.



MOKHTAR (kiri) menunjukkan dadah dan wang tunai yang dirampas dalam operasi dadah di tiga tempat berasingan di Johor Bahru semalam.